PRESS RELEASE | 17 OCTOBER 2026

SJAM Penang Marks 90 Years of Service; Calls for Support to Sustain Ambulance Response

24-hour ambulance service handled 3,085 KKM Hotspot cases, costing an estimated RM770,000

PENANG, 17 October 2026 – St. John Ambulance of Malaysia (SJAM) Penang celebrates 90 years of humble service to humanity, honouring generations of volunteers who have provided emergency response, first-aid coverage and public training since 1936.

Under Dato' Seri Dr. Yee Thiam Sun's leadership since 2006, SJAM Penang introduced EMAS, offering free 24-hour emergency ambulance service in Penang's South West District. As one of 20 ambulance links in the Ministry of Health (KKM) Hotspot network, it has handled over 5,200 emergency medical and patient transport cases, including 3**,085 KKM Hotspot cases—an average of 257 monthly—making its station one of the network's busiest**.

Qualified Medical Assistants, nurses or paramedics serve alongside trained ambulance volunteers, providing pre-hospital clinical care. At up to RM250 per emergency response, **3,085 Hotspot cases represent approximately RM770,000 in service costs**, against annual KKM funding of RM250,000. Sustaining this vital service requires wider financial support.

SJAM Penang earned World Stroke Organisation EMS Angels Awards: Platinum in Q1–Q3 2025 and Diamond in Q4 2025 and Q1–Q2 2026. Beyond its daily duties, its volunteers have served quietly behind the scenes during major Penang disasters, providing first-response and medical support at the 1988 Sultan Abdul Halim Ferry Terminal collapse in Butterworth and following the 2004 Indian Ocean tsunami. SJAM also trained thousands in CPR and AED, supported blood donation drives and vaccination centres during COVID-19. First-aid trainers grew from 32 in 2023 to 53 in 2025.

This year's modest Annual Parade and Inspection returned to SJAM Penang Headquarters, whose foundation stone was laid on 16 October 1976 by the late Tun Dr. Lim Chong Eu. His Excellency the Governor inspected a 60-person Guard of Honour and the ambulance fleet. The event also inaugurated The NEST youth space—Nurture, Empower, Support and Train.

Grade IV Officer of the Order of St John (OStJ) awards were presented **to State President Dato' Seri Syed Mohamad bin Syed Murtaza** and **Deputy State Commander Puan Lim Jia Dih** by Commander-in-Chief Dato' Lai See Ming, in the Governor's presence.

SJAM Penang thanks Governor Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib and Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah, national officers, Puan Lim Siew Khim representing the Chief Minister, YB Joseph Ng Soon Siang, agencies, schools and volunteers. It appeals to government, businesses and the public to help sustain ambulance and community services.

90 Years of Humble Service to Humanity in Penang | 1936–2026

KENYATAAN MEDIA | 17 OKTOBER 2026

SJAM Pulau Pinang Sambut 90 Tahun Bakti, Seru Sokongan untuk Perkhidmatan Ambulans

3,085 kes KKM Hotspot dikendalikan oleh ambulans 24 jam, dengan anggaran kos RM770,000

PULAU PINANG, 17 Oktober 2026 – St. John Ambulans Malaysia (SJAM) Negeri Pulau Pinang menyambut 90 tahun khidmat bakti kepada masyarakat, menghargai sumbangan sukarelawan yang menyediakan bantuan kecemasan, pertolongan cemas dan latihan sejak 1936.

Di bawah kepimpinan Dato' Seri Dr. Yee Thiam Sun sejak 2006, SJAM Pulau Pinang memperkenalkan EMAS, perkhidmatan ambulans kecemasan percuma 24 jam di Daerah Barat Daya. Sebagai salah satu daripada 20 penyedia dalam rangkaian KKM Hotspot, SJAM mengendalikan lebih 5,200 kes perubatan kecemasan dan pengangkutan pesakit, termasuk 3,085 kes Hotspot, iaitu purata 257 kes sebulan—antara stesen tersibuk dalam rangkaian tersebut.

Pasukan ambulans menggabungkan Penolong Pegawai Perubatan, jururawat atau paramedik berkelayakan dengan sukarelawan terlatih bagi menyediakan rawatan pra-hospital. Dengan kos sehingga RM250 setiap panggilan, 3,085 kes tersebut mewakili anggaran kos RM770,000, berbanding pembiayaan tahunan KKM sebanyak RM250,000. Sokongan kewangan lebih luas diperlukan bagi menjamin kelangsungan perkhidmatan.

SJAM Pulau Pinang menerima EMS Angels Awards oleh World Stroke Organisation: Platinum bagi suku pertama hingga ketiga 2025 dan Diamond bagi suku keempat 2025 serta suku pertama dan kedua 2026. Di sebalik tabir, sukarelawan SJAM turut memainkan peranan penting dalam bencana besar di Pulau Pinang, memberikan bantuan awal dan sokongan perubatan semasa tragedi runtuhan Terminal Feri Sultan Abdul Halim di Butterworth pada 1988 dan tsunami Lautan Hindi pada 2004. SJAM juga melatih ribuan orang dalam CPR dan AED, menyokong kempen derma darah serta pusat vaksinasi ketika COVID-19. Bilangan jurulatih meningkat daripada 32 pada 2023 kepada 53 pada 2025.

Perbarisan dan Pemeriksaan Tahunan tahun ini diadakan secara sederhana di Ibu Pejabat SJAM Pulau Pinang, yang batu asasnya diletakkan pada 16 Oktober 1976 oleh Allahyarham Tun Dr. Lim Chong Eu. TYT Yang di-Pertua Negeri memeriksa Kawalan Kehormatan 60 anggota dan barisan ambulans. Majlis turut merasmikan ruang belia The NEST—Nurture, Empower, Support and Train.

Anugerah Gred IV Officer of the Order of St John (OStJ) disampaikan kepada Presiden Negeri Dato' Seri Syed Mohamad bin Syed Murtaza dan Timbalan Pemerintah Negeri Puan Lim Jia Dih oleh Pemerintah Agung Dato' Lai See Ming, dengan kehadiran TYT Yang di-Pertua Negeri.

SJAM merakamkan penghargaan kepada TYT Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib dan Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah, pegawai kebangsaan, Puan Lim Siew Khim mewakili Ketua Menteri, YB Joseph Ng Soon Siang, agensi, sekolah dan sukarelawan. SJAM menyeru kerajaan, sektor korporat dan orang ramai menyokong perkhidmatan ambulans serta program masyarakat.

新闻稿 | 2026 年 10 月 17 日

槟城圣约翰救伤队庆祝 90 周年 呼吁支持维持救护车服务

24 小时救护车服务处理 3,085 宗卫生部热点案件，估计成本 77 万令吉

槟城，2026 年 10 月 17 日——马来西亚圣约翰救伤队槟城州分会（SJAM Penang）庆祝服务社会 90 周年，向自 1936 年以来持续提供紧急救援、活动急救及公众培训的历代志愿人员致敬。

自 2006 年拿督斯里余添山医生（Dato' Seri Dr. Yee Thiam Sun）领导以来，槟城圣约翰救伤队推出 EMAS 服务，为槟城西南县居民提供 24 小时免费紧急救护车服务。作为卫生部（KKM）热点救护网络 20 个服务单位之一，该队处理超过 5,200 宗紧急医疗及病患运送案件，其中 3,085 宗为 KKM Hotspot 案件，平均每月 257 宗，是网络中最繁忙的救护站之一。

救护团队由合格医务助理、护士或辅助医疗人员与受训志愿人员组成，提供院前临床护理。按每宗紧急任务最高 250 令吉计算，3,085 宗案件的服务成本约 77 万令吉，而卫生部每年拨款为 25 万令吉，凸显持续营运所面对的经费压力。

槟城圣约翰救伤队在世界中风组织 EMS Angels Awards 中，于 2025 年首三季获白金级，并于 2025 年第四季及 2026 年首两季获钻石级认证。除了日常救护工作，志愿人员也长期默默在幕后参与槟城重大灾难救援，包括 1988 年北海苏丹阿都哈林渡轮码头坍塌事故及 2004 年印度洋海啸，提供第一线紧急援助和医疗支援。该队亦培训数千名民众学习 CPR 及 AED，支持捐血活动，并在疫情期间支援疫苗接种中心。急救导师人数从 2023 年的 32 人增至 2025 年的 53 人。

今年年度检阅礼以简朴形式重返槟城圣约翰救伤队总部举行。总部奠基石于 1976 年 10 月 16 日由已故敦林苍祐医生主持奠基。槟州元首检阅 60 人仪仗队及救护车队，活动亦为青年空间 The NEST 揭幕，其理念为培育、赋能、支持与培训（Nurture、Empower、Support、Train）。

州会长拿督斯里赛莫哈末（Dato' Seri Syed Mohamad bin Syed Murtaza）及州副总指挥林佳蒂女士（Puan Lim Jia Dih）获颁第四级圣约翰官佐勋衔（OStJ），由全国总指挥拿督赖斯明（Dato' Lai See Ming）在槟州元首见证下颁发。

槟城圣约翰救伤队感谢槟州元首 Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib、元首夫人 Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah、全国总部官员、代表首席部长出席的 Puan Lim Siew Khim、亚依淡州议员 YB Joseph Ng Soon Siang，以及各机构、学校与志愿人员，并呼吁政府、企业及公众支持救护车服务和社区项目。

90 载服务社会 · 1936–2026

PRESS RELEASE | 17 OCTOBER 2026

St. John Ambulance of Malaysia Commander in Chief – Dato' Lai See Ming
马来西亚圣约翰救护机构全国总指挥官 – 拿督赖斯明

SJAM Penang State President – Dato' Seri Syed Mohamad Bin Syed Murtaza
槟州圣约翰救护机构州名誉会长 – 拿督斯里赛莫哈末

SJAM Penang State Commander – Dato' Seri Dr. Yee Thiam Sun
槟州圣约翰救护机构州指挥官 – 拿督斯里余添山医生

SJAM Penang Deputy State Commander & State Hon. Treasurer – Mdm. Lim Jia Dih, Karen
槟州圣约翰救护机构州副指挥官兼州义务财政 – 林佳蒂女士

SJAM Penang State Medical Officer – Assoc. Prof. Dr. Tan Kean Chye
槟州圣约翰救护机构州首席医务官 – 陈建财医生副教授

SJAM Penang State Superintendent – Mdm. Subthra Biggs
槟州圣约翰救护机构州监督 – 苏特拉比格斯女士

SJAM Penang State Hon. Secretary – Ts. Lai Menn Tatt
槟州圣约翰救护机构州义务秘书 – 黎孟达院士

SJAM Penang State Council ExCo – Prof. Dato' Dr. Chang Kah Loon
槟州圣约翰救护机构州执行理事 – 拿督曾家麟博士教授

SJAM Penang State Council ExCo – Mr. Koay Seng Kie
槟州圣约翰救护机构州执行理事 – 郭承基先生

SJAM Penang State Council ExCo – Mr. Thong Thoong Leong
槟州圣约翰救护机构州执行理事 – 唐栋梁先生

SJAM Penang North East Area President – Dato' Khoo Hun Poh
槟州圣约翰救护机构东北区名誉会长 – 拿督邱汉波

SJAM Penang North East Area Commander & Asst. State Hon. Secretary – Ts. Gregory Koay Feng Ling
槟州圣约翰救护机构东北区指挥官兼州副义务秘书 – 郭丰霖先生

SJAM Penang Seberang Perai Area President – Dato' Ooi Kok Wan
槟州圣约翰救护机构威省区名誉会长 – 拿督黄国渊

SJAM Penang Seberang Perai Area Commander – Mr. Hoe Chin Khwan (William)
槟州圣约翰救护机构威省区指挥官 – 何晋全先生

SJAM Penang South West Area Commander – Mr. Syed Aidid Bin Syed Mohamad
槟州圣约翰救护机构西南区指挥官 – 赛艾迪先生

UCAPAN PEMERINTAH NEGERI
ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG
Majlis Perbarisan dan Pemeriksaan Tahunan 2026
17 Oktober 2026

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah;

Yang Berbahagia Dato' Lai See Ming, Pemerintah Agung St. John Ambulans Malaysia;

Yang Berhormat Puan Lim Siew Khim, yang mewakili Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang;

Yang Berbahagia Presiden Negeri SJAM Pulau Pinang;

Barisan kepimpinan St. John Ambulans Malaysia; wakil jabatan dan agensi Kerajaan; para penerima anugerah; anggota, sukarelawan serta tetamu yang dihormati sekalian.

Salam sejahtera dan salam khidmat kemanusiaan.

Tun, Ijinkan saya melanjutkan ucapan saya dalam Bahasa Inggris

On behalf of St John Ambulance of Malaysia, State of Penang, we welcome our TYT visiting our humble Headquater. Tun, your visit exemplifies our honour and your trust in us. It is rare we get such kind of honour. Thank you, Tun.

We also welcome our Commander in Chief Dato Lai See Meng together with Datin and national officers; officers of various govt departments, Ex senior St John officers, parents, teachers and fellow brethren and sisters in St John ambulance.

Today is the 50th year and one day our HQ is again visited by another distinguish Head of State. This HQ was declared opened by the late YAB Tun Dr Lim Chong EU, the then Chief Minister of Penang on 16/10/76.-50 yrs ago.

Since then we have added another block in 2005/6 twenty years ago.

SJAM,Pg has improved leaps and bounds and playing an Important service community role in Penang.

We have recruited more members and divisions like MCAD, RSU, DSD ,Ambassader division and above all THE EMERGENCE MEDICAL AMBULANCE SERVICE. This EMAS UNIT started in 2005 with one 18yr old ambulance, we have now more than ____ units of better and well equipped advanced ambulances, beside more supportive vehicles and motor cycles and -bicycles and a command post – a well -equipped bus. We thank the donors and public continue to support us. Like Tabong Haji, which donated to us 3 units of ambulances 2yrs ago, while our members continue to serve the pilgrims going and returning after doing the Haj visits in Macca. I believe, we remain the only such organization offering to this Haj service in Malaysia.

We have set up also a vehicle maintainence and repair workshop in our premise.

A special note to mention is that- there is a ST John Corp formed in AK Logistic Academy, which is the only institution of higher learning requiring all graduates to pass first aid examination without fail. This is probably the only institution of higher learning in Malaysia or if not throughout the world with this useful requirement. We thank our council member Prof Dato Dr Chan Kah Loon, the principal of AK logistic Academy for his vision and efforts.

Over the years we have partaken and responded to various rescue missions to various parts of Malaysia, like Kelantan, Trenggau, Pahang, and Sabah and internationally to, Bangkok and Hadyai during the floods episodes and also the bombing of the Lee Garden Hotel in Hadyai,

Our setting up of EMAS BASE, in Relau in 2018 serving as a hotspot under the ministry of Health has responded more than 250 cases/month in answering the 999 calls. These are usually free of charge unless they have insurance or requesting for private hospitals visits. Combining these calls with the calls to our HQ, we serve almost 600 cases per month, mainly free of charge. Such services are not cheap to maintain with more than 20 professional medical orderlies, even their pay alone is a heavy load on us

Unfortunately, we are asked to vacate this premise in Relau. Fortunately we have found another plot of land nearby and is in the process of construction of the center. We were aiming to have the opening ceremony tomorrow, unfortunately we are unable to get the water and electricity supply on time, hence the opening had to be postponed to next month.

There are various ways we draw our income to help to defray our heavy loads. Other than contributions from public and our presidents, well-wishers, we conduct some income generating activities, like public duties, running of some income courses, such activities not only allow our members to take part, gaining experience and help to raise some funds like the Penang Bridge International Marathon Run, CPR-AED COURSES, First-Aid at work and other similar activities.

We are especially proud of our young cadet members who trained very hard and managed to win the Merdeka Parade Tournaments for the last three years. This achievement exemplifies the commitment, the training and guidance of the training officers, the supports of the parents, school principals, teachers and cadets themselves. We hope their winnings will help to inspire others to emulate to aims for greater heights and follow our motto in the service to humanity.

I must take this opportunity to thank everyone who helps to make today's event not only successful, but also for us to remember forever.
Thank you very much and wish everyone a healthy and happy weekend and out station friends a safe journey home

Dato' Seri Dr Yee Thiam Sun, DGPN, CStJ

Pemerintah Negeri St. John Ambulans Malaysia Negeri Pulau Pinang	State Commander St. John Ambulans of Malaysia State of Penang	马来西亚圣约翰救护机构 槟城州州总指挥官 拿督斯里余添山医生

UCAPAN PRESIDEN NEGERI
ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG
Majlis Perbarisan dan Pemeriksaan Tahunan 2026
17 Oktober 2026

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah;

Yang Berbahagia Dato' Lai See Ming, Pemerintah Agung St. John Ambulans Malaysia;

Yang Berhormat Puan Lim Siew Khim, yang mewakili Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang;

Yang Berbahagia Pemerintah Negeri SJAM Pulau Pinang;

Barisan kepimpinan St. John Ambulans Malaysia; wakil jabatan dan agensi kerajaan; para penerima anugerah; anggota, sukarelawan serta tetamu yang dihormati sekalian.

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera. Salam St. John Ambulans Malaysia ..

Saya berasa amat bangga kerana dapat menyampaikan ucapan bagi pihak Yang Berbahagia Dato Seri Syed Mohamad Bin Syed Murtaza Yang Dipertua Negeri St. John Ambulans Malaysia Negeri Pulau Pinang . Kita berasa amat bersyukur kerana dapat berkumpul pada pagi ini untuk Majlis Perbarisan dan Pemeriksaan Tahunan St. John Ambulans Malaysia Negeri Pulau Pinang 2026 di Ibu Pejabat sendiri . Batu Asas bangunan ini telah di letakkan pada 16 Oktober 1976 oleh mendiang Tun Dr. Lim Chong Eu , Ketua Menteri Pulau Pinang pada ketika itu .

Dan kini kita berkumpul 50 tahun selepas peristiwa tersebut . Tahun ini membawa makna yang istimewa kepada kita kerana Kita meraikan Ulang Tahun yang ke 90 . Sembilan dekad bukanlah tempoh yang singkat . Ia merangkumi perubahan zaman , pertukaran generasi dan pelbagai cabaran yang telah dilalui oleh mereka yang memilih untuk Berkhidmat Bagi Manusia . Nilai St. John terletak pada kesediaan untuk membantu mereka yang memerlukan tanpa mengira latar belakang , serta kesanggupan memberikan masa dan tenaga demi kepentingan kemanusian ! In The Service of Humanity !! Sebagai wakil wanita , saya juga berasa bangga untuk mengumumkan yang sebanyak 30% daripada ahli- ahli St. John Ambulans Pulau Pinang kini adalah dari golongan wanita .

Selain daripada aktiviti biasa seperti Ambulas Service , Public Duty , Training on First Aid for Public , CPR and AED Awareness , Kempen Derma Darah dan sebagainya , St. John Ambulans Pulau Pinang kini juga menjalankan program FAST HERO - satu program kesedaran serangan strok bersama dengan Pertubuhan Strok Sedunia (WSO) untuk memupuk kesedaran dan memperkasakan tindakan kanak-kanak agar menyelamatkan dewasa sekiranya serangan strok berlaku . Kita telah mengendalikan sesi program FAST HERO di sekolaj-sekolah rendah dalam Negeri Pulau Pinang dan membina sebanyak 825 hero kanak-kanak dalam lingkungan umur 5 hingga 9 tahun. Perkhidmatan Ambulans kita juga menerima pengiktirafan EMS Angels Awards daripada Pertubuhan Strok Sedunia (WSO) selama enam penggal berturut-turut sejak tahun 2025 dengan status Platinum dan Diamond atas kecemerlangan dalam perkhidmatan kecemasan prahospital .

Tahun ini St. John Ambulans Pulau Pinang sekali lagi menjadi Johan dalam Perbarisan & Perarakan Hari Kebangsaan Perinkat Negeri Pulau Pinang . Ini merupaka kali KETIGA berturut-turut kita mencapai Johan . 'Syabas dan Tahniah . Untuk mengenang Jasa dan Usaha Keras semua ahli-ahli dan ambulans crew . Yang Dipertua Negeri SJAM P.Pinang , Dato Seri Syed Aidid sangat berbesar hati dengan menyumbang hadiah sebagai symbol penghargaan untuk SJAM P. Pinang. Ribuan Terima Kasih Dato Seri ! Tidak di lupakan , saya juga ingin merakamkan penhargaan kpd. semua anggota , para pemimpin , sukarelawan serta keluarga mereka yang telah memberikan sokongan kepada organisasi ini.

Justeru izinkan saya mengakhiri ucapan saya dengan serangkap pantun. Bunga melati harum menwangi , Mekar Indah di taman sari ; Terima Kasih setulus hati , Semoga negeri terus maju dan berseri . Dan jangan lupa Berkhidmat untuk Manusia ..!!!

Sekian, terima kasih.

Mdm. Lim Jia Dih, Karen, DJN, OStJ

Mewakili Dato' Seri Syed Mohamad bin Syed Murtaza, DGPN, OStJ / Presiden Negeri

Timbalan Pemerintah Negeri
St. John Ambulans Malaysia
Negeri Pulau Pinang

Deputy State Commander
St. John Ambulans of Malaysia
State of Penang

马来西亚圣约翰救护机构
槟城州副指挥官
林佳蒂女士

UCAPAN PEMERINTAH AGUNG
ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG
Majlis Perbarisan dan Pemeriksaan Tahunan 2026
17 Oktober 2026

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah;

Yang Berbahagia Dato' Lai See Ming, Pemerintah Agung St. John Ambulans Malaysia;

Yang Berhormat Puan Lim Siew Khim, yang mewakili Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang;

Yang Berbahagia Pemerintah Negeri SJAM Pulau Pinang;

Barisan kepimpinan St. John Ambulans Malaysia; wakil jabatan dan agensi kerajaan; para penerima anugerah; anggota, sukarelawan serta tetamu yang dihormati sekalian.

Selamat pagi, salam sejahtera dan salam Satu St. John.
Pertama sekali, saya merafakkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, serta Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah, kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama menghadiri Pemeriksaan Negeri Pulau Pinang 2026 pada hari
ini.
Kehadiran Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Berhormat merupakan satu penghormatan besar kepada
seluruh warga St. John Ambulans Malaysia. Sokongan berterusan kepimpinan negeri terhadap pembangunan kesukarelawanan dan perkhidmatan kemanusiaan amat kami hargai.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pemeriksaan Negeri merupakan satu acara penting dalam kalendar St. John Ambulans Malaysia. la bukan sahaja bertujuan menilai tahap disiplin, kesiapsiagaan dan profesionalisme anggota, malah menjadi medan untuk memperlihatkan komitmen berterusan organisasi dalam melahirkan sukarelawan yang berkemahiran, berintegriti dan sentiasa bersedia untuk berkhidmat kepada masyarakat.
Sesungguhnya, di sebalik setiap pakaian seragam yang dipakai dan setiap perbarisan yang dipersembahkan hari ini, terselit pengorbanan masa, kesungguhan menjalani latihan serta semangat untuk membantu mereka yang memerlukan tanpa mengira kaum, agama atau latar belakang.
Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada seluruh warga St. John Ambulans Negeri Pulau Pinang
atas prestasi cemerlang yang terus ditunjukkan dari semasa ke semasa.
Secara khusus, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan muncul sebagai Johan Kategori
Swasta dalam Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Pulau Pinang 2026.
Pencapaian ini lebih bermakna kerana ia merupakan kejohanan untuk tahun ketiga berturut-turut.
Kejayaan yang konsisten ini mencerminkan tahap disiplin yang tinggi, semangat kerja berpasukan yang
kukuh, serta kepimpinan yang berkesan di semua peringkat.

Kejayaan tersebut bukan sahaja membanggakan Negeri Pulau Pinang bahkan turut meningkatkan imej dan reputasi St. John Ambulans Malaysia sebagai sebuah organisasi sukarela yang profesional, berwibawa dan dihormati.

Tuan-tuan dan puan-puan,
Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berbahagia Dato' Seri Syed Mohamad bin Syed Murtaza, Yang Dipertua Negeri St. John Ambulans Malaysia Negeri Pulau Pinang dan Timbalan Pemerintah Negeri Cik Karen Lim, atas penganugerahan Order of St. John yang diterima daripada St John Antarabangsa.
Penganugerahan tersebut merupakan pengiktirafan yang amat berprestij terhadap jasa, kesetiaan dan sumbangan mereka kepada perkembangan St. John Ambulans. Saya percaya pengiktirafan ini bukan sahaja membanggakan penerima, malah turut membanggakan seluruh warga St. John di Negeri Pulau Pinang.

Pada masa yang sama, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua pegawai yang telah menerima anugerah dalaman SJAM pada pertengahan tahun ini. Anugerah yang diterima merupakan penghargaan terhadap komitmen dan perkhidmatan cemerlang yang telah diberikan kepada organisasi.
Semoga pengiktirafan ini menjadi pendorong untuk terus berkhidmat dengan lebih gigih di samping menjadi inspirasi kepada anggota-anggota lain untuk mencapai tahap kecemerlangan yang sama.

Hadirin yang dihormati,

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada para pegawai, jurulatih dan pemimpin dewasa yang telah memainkan peranan penting dalam membimbing anggota muda.
Kepada para kadet, saya berharap agar anda terus menimba ilmu, meningkatkan kemahiran serta mengekalkan semangat kesukarelawanan yang menjadi asas kepada organisasi ini. Masa depan St. John Ambulans Malaysia terletak di tangan generasi muda yang sanggup memikul tanggungjawab dan meneruskan legasi perkhidmatan kemanusiaan yang telah dibina oleh generasi terdahulu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pada masa ini, beberapa kawasan di negara kita masih mengalami keadaan jerebu yang boleh memberi kesan kepada kesihatan awam. Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan orang ramai agar mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya. Kurangkan aktiviti luar sekiranya tidak perlu dan kekal berada di dalam bangunan apabila keadaan mengizinkan. Mereka yang perlu berada di luar disarankan memakai pelitup muka yang sesuai dan memastikan pengambilan air yang mencukupi. Golongan yang lebih berisiko seperti kanak-kanak, warga emas dan individu yang mempunyai masalah pernafasan atau jantung hendaklah memberi perhatian khusus kepada nasihat kesihatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Kepada anggota St. John yang menjalankan tugas awam, saya menyeru agar keselamatan dan kesihatan diri sentiasa diutamakan. Keupayaan kita untuk membantu masyarakat bergantung kepada kesediaan dan kesejahteraan anggota sendiri.

Hadirin sekalian,

Sebagai sebuah organisasi kemanusiaan yang telah lama berkhidmat kepada negara, St. John Ambulans Malaysia akan terus komited dalam melatih anggota yang kompeten, membentuk pemimpin muda yang berwibawa serta menyediakan perkhidmatan kemanusiaan yang berkualiti kepada masyarakat. Saya yakin dengan semangat dan iltizam yang ditunjukkan oleh seluruh warga St. John Ambulans Negeri Pulau Pinang, negeri ini akan terus mencatat pelbagai kejayaan dan menjadi contoh kecemerlangan kepada negeri-negeri lain di seluruh negara.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Presiden Negeri, Pemerintah Negeri, Timbalan Pemerintah Negeri, jawatankuasa penganjur serta seluruh pegawai dan anggota Negeri Pulau Pinang atas segala usaha dan komitmen yang telah dicurahkan bagi menjayakan Pemeriksaan Negeri Pulau Pinang 2026.

Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Toh Puan, serta Yang Berhormat Puan Lim Siew Khim yang mewakili Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, atas kesudian bersama-sama dengan kita pada hari yang bersejarah ini.

Semoga St. John Ambulans Malaysia terus maju dan cemerlang dalam menjunjung cogan kata kita,
"Pro Utilitate Hominum"
"Untuk Khidmat Kemanusiaan."

Sekian, terima kasih.

Dato' Lai See Ming

Pemerintah Agung
St. John Ambulans Malaysia

Commander-in-Chief
St. John Ambulans of Malaysia

马来西亚圣约翰救护机构
全国总指挥官
拿督赖斯明

UCAPAN WAKIL KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
YB PUAN LIM SIEW KHIM
Majlis Perbarisan dan Pemeriksaan Tahunan SJAM Negeri Pulau Pinang Tahun 2026
17 Oktober 2026

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah;

Yang Berbahagia Dato' Lai See Ming, Pemerintah Agung St. John Ambulans Malaysia;

Yang Berbahagia Dato' Seri Syed Mohamad bin Syed Murtaza, Presiden Negeri SJAM Pulau Pinang;

Yang Berbahagia Dato' Seri Dr. Yee Thiam Sun, Pemerintah Negeri St. John Ambulans Malaysia Negeri Pulau Pinang;

Barisan kepimpinan St. John Ambulans Malaysia; wakil jabatan dan agensi Kerajaan; para penerima anugerah; anggota, sukarelawan serta tetamu yang dihormati sekalian.

Salam sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Penang2030.

Terlebih dahulu, saya ingin menyampaikan salam dan penghargaan daripada YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang. Saya berbesar hati dapat mewakili beliau dalam majlis yang menghargai sembilan dekad khidmat kemanusiaan St. John Ambulans Malaysia kepada rakyat Pulau Pinang.

Saudara-saudara, saudari-saudari yang dikasihi,

Apabila kita berbicara tentang perkhidmatan kecemasan, perhatian sering tertumpu pada ambulans, peralatan perubatan dan kepantasan bantuan tiba. Namun, semua ini bergantung pada anggota yang terlatih, peralatan yang berfungsi serta penyelarasan perkhidmatan yang baik.

Inilah antara peranan penting St. John Ambulans Malaysia, yang telah berkhidmat kepada masyarakat Pulau Pinang sejak tahun 1936. Sepanjang sembilan dekad ini, organisasi ini telah mengumpulkan pengalaman serta melatih anggota dan sukarelawan untuk menyokong keselamatan masyarakat. Pengalaman tersebut perlu terus dimanfaatkan bagi memastikan perkhidmatannya kekal berkesan dan relevan dengan keperluan semasa.

Seperti yang dikongsikan oleh Puan Karen tadi, tahniah kerana kira-kira 30% anggota dan pegawai SJAM Negeri Pulau Pinang terdiri daripada wanita! Ini membuktikan bahawa keberanian, kemahiran dan semangat kemanusiaan tidak mengenal jantina. Wanita bukan sekadar menyokong, tetapi turut memainkan peranan penting dalam menyelamatkan nyawa.

Tuan-tuan dan puan-puan,
Saya difahamkan bahawa sepanjang tahun 2025, sebanyak 3,085 kes kecemasan 999 telah dikendalikan oleh Pangkalan Ambulans Kecemasan Relau menerusi program Hotspot Kementerian Kesihatan Malaysia. Angka ini memperlihatkan skala keperluan terhadap perkhidmatan kecemasan serta pentingnya kesiapsiagaan yang berterusan.

Saya juga menyambut baik perancangan Pangkalan Ambulans Kecemasan Relau yang mengambil kira keperluan penduduk dan perkembangan kawasan tersebut. Apabila sesebuah kawasan berkembang, kemudahan kecemasan juga perlu disesuaikan dengan keperluan semasa. Saya menghargai usaha St. John Ambulans Malaysia Negeri Pulau Pinang dalam merancang penambahbaikan yang dapat menyokong penyampaian bantuan kepada masyarakat.

Pada September lepas, St John Ambulans Malaysia telah memohon kepada Ketua Menteri untuk mendapatkan bantuan dana bagi pembangunan Pangkalan Ambulans Kecemasan di Relau. Sukacita diumumkan bahawa YAB Ketua Menteri telah meluluskan sebanyak RM50,000, jadi adalah diharap dana ini dapat memudahkan pihak St. John Ambulans Malaysia dalam persediaan operasi dan pembangunan Pangkalan Ambulans Kecemasan Relau.

Hadirin sekalian,
Pada masa yang sama, peranan St. John Ambulans Malaysia tidak terhad kepada perkhidmatan ambulans. Khidmat pertolongan cemas di acara awam dan sukan seperti Penang Bridge International Marathon, program derma darah, latihan CPR dan AED serta pendidikan kepada masyarakat turut meningkatkan pengetahuan dan kesiapsiagaan orang ramai dalam menghadapi kecemasan.

Usaha ini semakin relevan apabila Pulau Pinang bergerak ke arah negeri menua. Pertambahan penduduk warga emas memerlukan perhatian yang lebih menyeluruh terhadap keselamatan dan penjagaan mereka. Selain memastikan akses kepada perkhidmatan yang bersesuaian, kita perlu memperkukuh pengetahuan ahli keluarga, penjaga dan komuniti dalam mengenal pasti risiko serta bertindak apabila warga emas berhadapan dengan kecemasan. Dengan pengetahuan dan kemahiran yang betul, keluarga dan penjaga dapat mengambil tindakan awal sementara menunggu bantuan lanjut. Ini penting supaya keselamatan warga emas tidak hanya diberikan perhatian selepas sesuatu kecemasan berlaku, tetapi turut dijaga melalui langkah pencegahan dan sokongan harian.

Di Pulau Pinang, pembangunan ekonomi perlu bergerak seiring dengan usaha meningkatkan keselamatan dan kualiti hidup rakyat. Selain menyediakan infrastruktur dan peluang pekerjaan, kita juga perlu membina jaringan sokongan sosial yang kukuh melalui kerjasama kerajaan dengan pertubuhan seperti St. John Ambulans Malaysia. Pada masa yang sama, penglibatan golongan muda dalam organisasi ini penting untuk memupuk kemahiran pertolongan cemas, disiplin dan semangat kerja berpasukan, di samping membentuk generasi yang lebih prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat.

Hadirin yang dihormati sekalian

Sepanjang 90 tahun, St. John Ambulans Malaysia Negeri Pulau Pinang dapat meneruskan khidmatnya hasil sumbangan pelbagai pihak, termasuk anggota yang bertugas di lapangan, jurulatih yang membimbing anggota baharu, sukarelawan yang meluangkan masa dan tenaga, para penderma serta ahli keluarga yang sentiasa memberikan sokongan. Saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak ini kerana komitmen, disiplin dan kesediaan mereka untuk membantu telah menjadi sebahagian penting dalam memastikan organisasi ini terus berkhidmat kepada masyarakat.

Izinkan saya mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun:
Pergi ke taman memetik melati,
Melati disusun di atas dulang;
Sembilan dekad mencurah bakti,
Jasa kemanusiaan terus dikenang.

Tahniah kepada seluruh warga St. John Ambulans Malaysia Negeri Pulau Pinang sempena ulang tahun ke-90. Semoga organisasi ini terus berkembang dan mewariskan semangat kesukarelawanan serta kemanusiaan kepada generasi seterusnya, demi kesejahteraan rakyat Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

YB Puan Lim Siew Khim
EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan & Hal Ehwal Bukan Islam
Kerajaan Negeri Pulau Pinang